

Penghargaan wira tidak didendang

Oleh Muhammad Hafizi Omar
bhsastera@bh.com.my

» Kumpulan puisi Sutung Umar RS, Zurinah, Saifullizan dilancar pada Baca Puisi PENA-ITBM

Baca Puisi Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA)-Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) di Rumah PENA, Kuala Lumpur, baru-baru ini, bukan hanya mengulangi rutin bulanan apresiasi puisi, bahkan turut merakam penghargaan kepada penyair yang boleh dianggap wira tidak didendang.

Apatah lagi karya penyair dan pengarang yang juga bekas Ketua Unit Pengembangan Sastera BH, Wan Omar Wan Ahamed itu dilancarkan pada pentas yang mengambil nama penanya, iaitu Panggung Sutung Umar RS pada acara baca puisi yang dilahir dan diasuh dari rahim kepenyairannya.

Hayat baca puisi yang diadakan Jumaat pertama setiap bulan itu, mencecah 17 tahun boleh dikatakan tidak pernah terhenti berkumandang dengan kegiatan sastera.

Kumpulan puisi Sutung, *Ratib Kalbu*, dilancarkan bersama-sama karya Penerima Anugerah SEA Write, Datuk Dr Zurinah Hassan, iaitu *Cerita Dalam Cerita* dan Saifulizan Yahya (*Aku Gagak*).

Tiga buku terbitan ITBM itu dilancarkan oleh Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaaffar, pada majlis yang turut dihadiri Presiden



Johan (tiga dari kanan) bergambar bersama penulis buku *sempena pelancaran buku 3 penulis pada Baca Puisi PENA - ITBM di Rumah PENA*.
(FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN | BH)

PENA, Dr Mohamad Saleeh Rahamad; Pengarah Urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron dan Sasterawan Negara (SN), Datuk Baharudin Zainal (Baha Zain).

Cuma yang kurang pada acara itu ialah Sutung tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan dan beliau diwakili Setiausaha Agung PENA, Syed Mohd Zakir Syed Othman (SM Zakir) mewakilinya. Walaupun beliau tiada, karyanya tetap bergema.

Penghargaan buat Sutung

Pelajar Pendidikan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Norharsimah Jemat, mendeklamasikan puisi *Pantai Cahaya Bulan*, sebagai rakaman penghargaan kepada bekas Editor Dewan Sastera itu.

Kembali ke dadamu masa kini seperti mencari wajah lama yang hilang antara butir-butir pasir dan buih ombak

masa lalu pun bermunculan masing-masing ingin mengisi ruang kalbu.

Angin tengah hari ini tidak berhem-bus biasa seperti masa lalu wajah-wajah muda dan tua tak lagi dikenal.

Kerusi tempat janji itu termeterai entah ke mana dibawa ombak waktu

dari jauh terdengar suara bacaan Al-Fatihah.

Kongsi puisi hening pagi

Selain puisi Sutung, karya Saifullizan turut bergema apabila Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu mendeklamasikan puisi *Dua Ekor Gagak* yang dicatat selepas terjaga daripada tidur pada awal hening pagi sehingga menjadi titik permulaan kepada perjalanan buku puisi ini.

Malamnya aku bermimpi dua ekor gagak itu datang kepadaku lalu menasihati, "Hai manusia kerana kamu sudah tidak tahu memilih yang mana jantan yang mana betina lalu kamu sangka kami gagak-gagak pun begitu juga!"

Setelah terjaga kudengar suara gagak di luar sana.

Pentas puisi turut disemarakkan dengan bacaan puisi yang berterusan antaranya oleh Johan, Dr Mohamad Saleeh, Mohd Khir, Dr Abdul Ghaffar Ibrahim (AGI), Kasajiza AS, Norhisham Mustafa, Ramli Selamat (Marsli NO), Borhan Md Zin dan Mohd Shahril Haron, selain alunan lagu puisi oleh Cikgu Bard, iaitu *Kerusi Sepi* bersama alunan ukelele, membuatkan penonton tidak berganjak untuk pulang awal.